

Seremban: Aspek pertukaran mata wang, kesan pandemik Covid-19 dan cukai nilai tambah (VAT) antara faktor peningkatan kos haji tahun ini, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Zulkifli Hasan.

Beliau berkata, kenaikan kos haji kali ini wajar dan masih berpatutan berikutan kos ditanggung Lembaga Tabung Haji (TH) semakin bertambah ketika ini.

"Jika melihat pada perkembangan ekonomi dunia, kita terpaksa tingkatan kos namun TH dan kerajaan cuba pastikan kos

Ini antara faktor kos haji 2024 naik

ditanggung jemaah tidak membebankan selain memberi bantuan kewangan besar kepada para jemaah tahun ini.

"Dalam kalangan B40, Tabung Haji memberi peruntukan lebih 63 peratus dibantu lagi dengan RM1,000 manakala M40 (42 peratus), ini menunjukkan bagaimana kerajaan dan Tabung Haji berusaha bantu meringankan beban jemaah tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pen-

tupan Kursus Asas Haji dan Kenduri Masjid 2024 di Masjid Qaryah Paroi Jaya di sini, semalam.

Pada Jumaat lalu, TH mengumumkan kos haji bagi seorang bakal haji Muassasah tahun

ini ditetapkan RM33,300 berbanding RM30,850 tahun lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Syed Hamadah Syed Othman berkata, kadar bayaran bagi bakal haji kumpulan B40 kali pertama tahun ini ditetapkan

kan pada RM12,356, M40 (RM19,152) manakala bagi kumpulan T20 mereka dikenakan bayaran penuh kos iaitu RM33,300 seorang.

Sementara itu, Hamidah Payun, 61, yang bakal menunaikan haji tahun ini berkata, kenaikan kos keputusan wajar dilakukan Tabung Haji dan kerajaan memandangkan pelbagai kos perbelanjaan semakin meningkat setiap tahun.

"Pada saya, kenaikan kos tidak menjadi masalah dan masih berpatutan, kalau lihat sekarang semua

kos meningkat, jadi wajar ada peningkatan," katanya yang menabung di TH sejak 2008 hasil pemberian suami setiap bulan.

Bagi pesara swasta, Zulkifli Dahlan, 60, dia menjangkakan kenaikan kos haji kerana kos menunaikan ibadah umrah juga meningkat sejak beberapa tahun ini.

"Dulu, saya pergi umrah pada 2019, kos RM6,000, kemudian saya pergi lagi tahun lepas naik RM8,500, jadi ia bukan isu, peningkatan kos memang akan berlaku, saya rasa negara lain kos mereka lagi tinggi berbanding negara kita," katanya.

**“
Kos ditanggung
Lembaga Tabung
Haji (TH) semakin
bertambah
ketika ini
Zulkifli**

